

22 SEP 2003

Agong-Ilmu (Bergambar)

KEKUATAN ILMU PENENTU KEKUATAN DAN KEDAULATAN, KATA YANG DIPERTUAN
AGONG

SHAH ALAM, 22 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini meminta graduan meneruskan usaha menimba ilmu sepanjang hayat dan tidak berhenti setakat tahap tertentu sahaja.

Baginda bertitah, ini kerana kekuatan ilmu dan kemahiran sesuatu bangsa akan menentukan kekuatan dan kedaulatan sesebuah negara.

"Kekuatan dan kedaulatan negara kita terletak atas bahu graduan sekalian. Beta meletakkan harapan yang tinggi kepada para graduan sekalian untuk memikul tanggung jawab ini," titahnya pada Istiadat Konvokeysen Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini hari ini.

Baginda yang juga Canselor UiTM bertitah, negara memerlukan lebih ramai cerdik pandai yang jujur, amanah dan berdisiplin dalam negara yang kini pesat membangun untuk merealisasikan wawasan 2020.

Baginda juga percaya UiTM telah melengkapkan diri graduan dengan ilmu yang membolehkan mereka berdaya saing dan menyumbang bakti kepada bangsa dan negara.

"Beta juga mendoakan semoga misi UiTM untuk menjadi universiti yang bertaraf dunia akan tercapai," titah baginda lagi.

Sementara itu, Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof Ibrahim Abu Shah berkata dari segi pasaran kerja, sebanyak 61.1 peratus pelajar mendapat kerja selepas enam bulan menjadi graduan ijazah, manakala 9.6 peratus masih menganggur dan 29.3 peratus lagi melanjutkan pelajaran.

Manakala di peringkat diploma pula, sebanyak 36.1 peratus mendapat kerja selepas enam bulan menjadi graduan, 16.8 peratus masih tidak bekerja manakala 47.1 peratus melanjutkan pelajaran.

Dr. Ibrahim berkata mengikut trend pasaran kerja hari ini mereka yang mempunyai ijazah lebih mudah mendapat kerja manakala bilangan yang memohon untuk meneruskan pelajaran di universiti tempatan dan luar negara terus meningkat dan diterima baik institusi pengajian terbabit.

Katanya dalam bidang penyelidikan pula, UiTM telah melompat ke tangga keenam dari tangga tercorot berbanding semua universiti tempatan dalam tempoh tiga tahun sejak tahun 2000.

"Walaupun kita masih muda sebagai universiti kita tetap menunjukkan prestasi baik dalam bidang penyelidikan. Pada tahun 2002 kita mencatatkan peningkatan sebanyak 700 peratus manakala tahun 2003 ia meningkat hampir 1000 peratus berbanding lima tahun lepas," katanya lagi.

Beliau berkata UiTM juga sangat menitikberatkan penguasaan bahasa Inggeris di mana pada tahun 2003 pelajar UiTM mencatat keputusan 30 peratus melebihi purata kelulusan peringkat nasional dalam peperiksaan Malaysian University English Test (MUET), manakala pada tahun 2002 ia berjumlah 22 peratus.

"Jadi keputusan ini menunjukkan UiTM yang terbaik berbanding mana-mana universiti di negara ini," katanya lagi.

Sebanyak 13,304 orang graduan akan menerima penganugerahan ijazah dan diploma masing-masing pada majlis berkenaan yang akan dilangsungkan dalam 19 sidang bermula hari ini sehingga 6 Oktober depan.

UiTM diisytiharkan sebagai universiti pada 26 Ogos 1999 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas ia beroperasi sebagai Institut Teknologi Mara (ITM) sejak 1967.

-- BERNAMA

SHS AZH

